

PM pastikan 'jerung' tak terlepas

BH- 8/11/2023 M/S: 2

SPRM diberi kelonggaran, kuasa bongkar kes seiring reformasi pentadbiran

Oleh Mohd Nasarudin Parzi dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, usaha membanteras rasuah dalam pentadbirannya, akan turut membabitkan tindakan terhadap 'jerung' oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diberi kebebasan penuh mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja.

Pada masa sama, Perdana Menteri menolak andaian tindakan membanteras rasuah itu adalah amalan politik dendam, sebaliknya ia adalah agenda reformasi yang diperjuangkannya selama ini.

Beliau juga menolak andaian tindakan membanteras rasuah hanya bertumpu kepada 'ikan bilis' kerana menyifatkan sudah ada 'jerung' kena tindakan.

"Saya beri SPRM kelonggaran sepenuhnya dan wewangnya (kuasa), sedikit sebanyak sudah banyak (kes) terbongkar.



Anwar pada program Naratif Khas yang disiarkan secara langsung menerusi RTM malam kelmarin. (Foto BERNAMA)

"Saya tidak mahu mengulangnya setiap kali, pihak penguat kuasa diberikan kuasa, malah saya setiap minggu berpesan, saya tidak masuk campur jika seseorang disiasat (SPRM).

"Amalan pemunggaan kekayaan negara yang agak memualkan, kita ada pengalaman orang besar ditangkap dan ini membuktikan tindakan tidak hanya tertumpu kepada ikan bilis," katanya.

Beliau berkata demikian pada program *Naratif Khas* yang disiarkan secara langsung menerusi RTM malam kelmarin.

"(Siasatan) kes Jana Wibawa, Menara KL, pemunggaan kekayaan, saya akan pastikan ada tindakan pengajaran pada masa lalu dan sekarang," katanya.

"Memang ada orang yang takut disiasat. Tetapi apabila berbicara tata kelola, saya beri arahan yang jelas, apa (kes) yang berlaku, terus ada tuduhan (mahkamah), ambil tindakan.

"Soalnya kalau ada bukti yang jelas, ambil tindakan jangan peduli tohmahan kerana ada puak (yang) guna agama, Islam yang mengaitkan ada dendam.

"Tetapi negara ini rosak, tiada

upaya bangkit semula, kalau kita kumpul (kekayaan), rumahnya (rakyat) separuh robek, apa makna kepada rakyat, tetapi ada pemimpin bersenang lenang memunggang kekayaan negara," katanya.

Jamin tak iktiraf LGBT

Pada masa sama, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa golongan LGBT (lesbian, gay, biseksual dan transgender), konsep negara sekular dan ideologi komunis, tidak mungkin diiktiraf dalam Kerajaan Perpaduan diketuainya.

Beliau menyifatkan, perkara itu hanya dibangkitkan pihak tertentu yang cuba menyebarkan perkara tidak benar.

"Kadang orang politik ini dia kata umpama kalau Anwar jadi Perdana Menteri maka habis Islam dan sekular akan bertapak, LGBT disahkan, orang komunis bertapak.

"Ini igauan siang hari. Tentunya tidak berlaku dan insya Allah di bawah kuasa pentadbiran saya perkara ini tidak mungkin berlaku," katanya ketika ditanya dakwaan yang menyifatkan beliau sebagai pemimpin yang menjalankan pentadbiran berbentuk diktator.

Menjawab dakwaan bahawa perjanjian persefahaman kerja sama antara Pakatan Harapan (PH) dengan gabungan parti yang menyokong pembentukan Kerajaan Perpaduan diadakan kerana

pentadbirannya tidak kukuh, Anwar berkata, ia dibuat kerana majoriti diperoleh pada waktu itu terlalu kecil.

Bagaimanapun bagi membuktikan sokongan, Anwar berkata, beliau sendiri membawa usul undi percaya pada Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-15 yang lalu selepas dicabar pembangkang yang mempersoalkan keabsahannya.

"Usul (undi) percaya ini dicabar pihak pembangkang. Dia kata Anwar tidak ada dokongan, buktikan dan dalam sistem demokrasi, cara yang terbaik membuktikan kekuatan adalah undi percaya atau undi tidak percaya yang mana itu tidak diusulkan.

"Maka saya kemukakan ini dan Alhamdulillah kita dapat dokongan kuat. Jadi soal kata saya diktator itu di mana? Apakah saya melanggar hukum?" katanya.

Pada hari pertama persidangan itu, keabsahan Anwar sebagai Perdana Menteri Ke-10 dibuktikan apabila usul undi percaya yang dibawa Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof, diluluskan dengan undian suara, yang berkesudahan lebih suara bersetuju.

Ditanya mengenai tindakan saman yang diambilnya terhadap beberapa individu, Anwar berkata perkara itu dilakukan kerana tuduhan yang dikeluarkan mereka menyentuh kewibawaan beliau sebagai pemimpin.